



UNTUK EDARAN  
SEGERA

## SIARAN MEDIA

### **LTAT MELANCARKAN PELAN ANTIRASUAH (OACP) 2022-2026 UNTUK MENGUKUHKAN PIAWAIAN TADBIR URUS**

**KUALA LUMPUR, 20 Januari 2023** – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah melancarkan Pelan Antirasuah LTAT 2022-2026 sebagai tanda komitmen dalam memerangi rasuah dan memupuk tadbir urus yang baik selaras dengan keperluan yang telah digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Majlis pelancaran ini telah diadakan pada 19 Januari 2023 dan disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan semasa kehadiran beliau buat julung kalinya ke Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 bersama warga kerja LTAT, Kumpulan-Kumpulan Syarikat LTAT – Boustead dan Affin; Perbadanan LTAT – PPHM, PERNAMA dan PERHEBAT termasuk Yayasan LTAT. Dalam ucapannya, beliau berkata, “Pelan Antirasuah LTAT 2022-2026 merupakan pelan yang penting bagi mengukuhkan tadbir urus dan integriti warga kerja LTAT sekaligus menjadikan organisasi yang berintegriti dan bebas rasuah. Di samping itu, pelan ini mencerminkan harapan tinggi anggota tentera agar caruman mereka diuruskan oleh sebuah organisasi yang sentiasa membudayakan ketelusan, akauntabiliti dan integriti”.

Turut sama menghadiri majlis pelancaran tersebut adalah YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Ketua Eksekutif LTAT, YBhg. Dato' Nazim Rahman juga turut menyebut dalam ucapan beliau, “Pelan Antirasuah LTAT 2022-2026 dirangka dengan misi meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti berdasarkan nilai murni LTAT iaitu integriti yang merupakan acuan penting dalam menjadikan LTAT sebuah dana persaraan yang berkelas dunia”.

Pelan ini menggariskan empat (4) bidang keutamaan iaitu Penyampaian Perkhidmatan, Pengurusan Perolehan & Kewangan, Pengurusan Pelaburan & Projek, dan Tadbir Urus. Bagi tujuan tersebut, sebanyak empat (4) strategi, enam (6) objektif strategi dan tiga puluh (30) inisiatif telah digariskan dalam usaha mencapai matlamat pelan ini.

Pelancaran Pelan Antirasuah LTAT 2022-2026 ini merupakan komitmen yang berterusan oleh Pengurusan LTAT dan ia juga membuka lembaran baru untuk memartabatkan budaya berintegriti tinggi dalam kalangan warga kerja LTAT dan seluruh Kumpulan Syarikat dan Perbadanan LTAT.

**LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)**

**20 JANUARI 2023**

## **Mengenai LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota Lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia serta anggota kerahan sukarela-

Di bawah skim LTAT, pencarum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT. Di bawah skim simpanan bagi pencarum sukarela, simpanan dibenarkan sekurang-kurangnya RM25 sebulan sehingga had maksimum RM2,000 sebulan.

LTAT menguruskan RM10 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat September 2022, dengan portfolio pelaburan merangkumi pelbagai industri seperti pembangunan hartanah, perladangan, farmaseutikal, perbankan dan urusniaga kewangan serta industri berat. LTAT menawarkan aplikasi MyWIRA yang memberi kemudahan kepada pencarum untuk mengakses akaun mereka di mana sahaja, pada bila-bila masa. Aplikasi MyWIRA ini adalah merupakan alternatif kepada platform atas talian sediada LTAT seperti e-Kiosks dan i-Wira.

## **PERHUBUNGAN MEDIA:**

Jabatan Komunikasi  
Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
Aras Bawah, Menara Chulan  
No. 3, Jalan Conlay  
50450 Kuala Lumpur

E-mel: [intcomms@ltat.org.my](mailto:intcomms@ltat.org.my)  
Laman web: [www.ltat.org.my](http://www.ltat.org.my)